

# Curi telur: Bekas buruh UPM gagal dalam kes pemecatannya

PUTRAJAYA 12 Julai – Seorang bekas buruh Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini gagal dalam rayuan terhadap pemecatannya 25 tahun lalu kerana didakwa mengambil 120 biji telur bernilai RM9.18 sen dari ladang universiti berkenaan tanpa kebenaran.

Hakim-hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Low Hop Bing, Datuk Kang Hwee Gee dan Datuk Syed Ahmad

Helmy Syed Ahmad secara sebulat suara memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan tepat semasa menolak saman K. Palaniappan terhadap universiti itu pada 2006.

Pada 7 Ogos, 1985, Palaniappan, 66, bersama isterinya menunggang motosikal dan membawa telur tersebut apabila ditahan pengawal di kawasan universiti sebelum diminta menun-

jukkan resit barangan itu.

Pasangan suami isteri itu tidak mempunyai resit dan kemudian meminta pembantu makmal Mohd. Nawawi Daud untuk mengeluarkan resit.

Pada 12 September 1985, Palaniappan diberi surat untuk hadir pada inkuiri dalaman atas dakwaan mengambil telur itu secara tidak jujur dengan niat untuk menipu universiti berkenaan.

Bagaimanapun tuduhan ke atas Palaniappan itu ditarik balik tetapi tuduhan baru dikenakan iaitu membawa keluar telur tanpa kebenaran pihak universiti itu.

Kemudian dia dibuang kerja selepas didapati bersalah oleh inkuiri dalaman universiti itu pada 1986.

Pada tahun sama, Palaniappan mengemukakan kes pemecatannya di

Mahkamah Tinggi dengan memohon perintah mahkamah mengisytiharkan bahawa pemecatannya adalah salah dan meminta supaya dia diambil semula bekerja dan dibayar ganti rugi.

Peguam Palaniappan, M. Mohan Ghandi memberitahu pemberita bahawa beliau akan mengemukakan rayuan di Mahkamah Persekutuan.

- BERNAMA